

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 26 Jun 2016 12:43
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SMJK SHING CHUNG SG. SIPUT PERAK PUPUK SIFAT BERLUMBA-LUMBA



26 JUN 2016 / 21 RAMADAN1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SMJK SHING CHUNG SG. SIPUT PERAK PUPUK SIFAT BERLUMBA-LUMBA



ANJUNG TAMU ONLINE: Kunci setiap kejayaan sebenarnya ialah tidak membazirkan masa yang terluang seperti kata pepatah "Masa itu Emas " kerana kejayaan itu adalah milik sesiapa saja. Tidak kira siapa kita, jika rajin berusaha dan tidak membazir masa, kejayaan akan menjadi milik kita.

Hal ini seiring dengan dengan objekif Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Shing Chung (SMJKSC), Sg. Siput Perak yang mengadakan lawatan untuk kenali Universiti Pengurusan Terkemuka yang memaklumkan bahawa masa yang diperuntukkan kepada mereka untuk mendapatkan maklumat akan digunakan sebaik mungkin supaya cita-cita ke UUM menjadi kenyataan nanti.

Dalam konteks ini, Guru pengiring dan pelajar Tingkatan Enam SMJKSC turut berpeluang mengetahui program yang berkaitan serta kemudahan untuk pelajar ketika lawatan ke UUM Welcome Centre. Di samping itu, dengan masa yang terluang untuk

Discover UUM, pelajar boleh menimba pengalaman baru dalam dunia pembelajaran di luar sekolah.

“Ketika usia muda, pelajar perlu menyemai sifat bersaing, tetapi biarlah persaingan yang sihat. Pupuk sifat berlumba-lumba untuk menuju ke puncak menara gading,” kata guru akademik/Ketua Panitia Mata Pelajaran MUET selaku guru pengiring, Sharon Yip.

Tambahnya, “pelajar-pelajar memberitahu saya bahawa mereka sangat teruja dengan galeri Welcome Centre yang impresif. Maklumat yang efektif dan menarik terdapat di sini.”

Selain itu, pencapaian UUM di peringkat antarabangsa dan keindahan kampus juga boleh menarik minat pelajar membuat perancangan masa depan, kerjaya atau pengkhususan bidang pengajian dan pendidikan.

“Memenuhi masa dengan ilmu yang diperolehi di UUM akan membawa keuntungan kemudian hari,” kata salah seorang pelajar yang ditemui di ruang santai bacaan, loteng Welcome Centre .

Mengulas lanjut tentang SMJKC, mereka sangat menitikberatkan kecemerlangan, kecerdasan minda dalam apa jua perkara yang dilaksanakan di samping tekun dan usaha tanpa jemu.

Menghargai masa dan peluang antara faktor yang paling penting kata guru pengiring lagi sebelum mereka mengikuti taklimat akademik di Auditorium Perpustakaan Sultanah Bahiyah yang disampaikan oleh Pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) Mohamad Zainol Abidin Adam.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

